

Sebahagian delegasi pada
Persidangan Lautan PBB yang
diadakan di Lisbon, Portugal,
baru-baru ini. (Foto REUTERS)



UNITED NATIONS
OCEAN
CONFERENCE

LISBON
27 JUNE
1 JULY
2022

24 17/9/2022 ms: 27



Rundingan **lindungi** **laut lepas** diteruskan

Sidang jadi
landasan anggota
PBB capai
kesepakatan
urus sumber

New York: Anggota negara Per-
tubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
(PBB) menyambung rundingan
bagi mencapai kata sepakat da-
lam melindungi laut lepas seba-
gai sumber yang melitupi hampir
separuh daripada bumi.

Rundingan yang bermula se-
malam dijangka berterusan se-
hingga 26 Ogos ini di ibu pejabat
PBB.

Pengerusi persidangan itu
yang juga diplomat dari Singapu-
ra, Rena Lee, berkata konsensus

perlu dibuat bagi mencapai kata se-
pakat berhubung isu terbabit.

“Dalam tempoh dua minggu
ini, mari kita berusaha mencapai
persetujuan yang adil, berimbang,
boleh dilaksanakan dan menarik
penyertaan ramai,” katanya ketika
menyampaikan ucapan alu-aluan.

Terdahulu, sumber kepada High
Ambition Coalition merangkumi
kumpulan 50 negara berkata, pe-
rundingan optimis berkaitan isu be-
kenaan.

Hos kepada pertubuhan bukan
kerajaan (NGO) dan negara terke-
san turut memaklumkan pakatan
itu penting bagi meningkatkan ta-
hap kepentingan alam sekitar yang
berdepan pelbagai cabaran.

NGO dan High Ambition Coa-
lition berkata, pakatan global ber-
hubung Pemuliharaan dan Peng-
gunaan Mampan Kepelbagaian
Biologi Marin di Kawasan Di Luar
Bidang Kuasa Negara perlu segera
disempurnakan.

“Perjanjian ini penting kerana

ia akan menyediakan rangka kerja
dan menjadi kompas kepada prin-
sip serta peraturan kepada masya-
rakat antarabangsa dalam mengu-
ruskan ruang secara bersama,”
kata penyelidik Institut Pembangu-
nan Lestari dan Hubungan Antara-
bangsa (IDDRI), Julien Rochette.

Kuasa putus tindakan

Sementara itu, James Hanson dari
Greenpeace, berkata badan pem-
buat keputusan yang merangkumi
semua negara harus mempunyai
kuasa untuk mewujudkan kawa-
san perlindungan marin tanpa
perlu merujuknya kepada badan
kawal selia sedia ada.

Bagaimanapun, beliau menegas-
kan, persoalan mengenai kerja-
sama membabitkan pertubuhan
maritim seperti hak penangkapan
ikan perlu diputuskan.

Satu lagi isu sensitif ialah kaed-
ah perkongsian keuntungan dari-
pada hasil genetik di laut lepas, di
mana syarikat farmaseutikal, ki-

nia, dan kosmetik berharap akan
menemui penawar ajaib bagi me-
rawat penyakit serta produk lain.

Penyelidikan seumpamanya
memerlukan kos tinggi dan la-
zimnya dibolot negara kaya dan
negara membangun tidak mahu
ketinggalan daripada meraih
manfaat daripada sumber ke-
kayaan di laut lepas, yang pada
asasnya bukan milik khusus se-
siapa.

Negara maju di Kesatuan Ero-
pah (EU), Australia, New Zealand
dan negara membangun menyok-
ong usul itu tetapi ditentang
keras oleh Russia dan negara
mementingkan hak perikanan se-
perti Iceland serta Jepun.

Sempadan zon ekonomi eks-
klusif (EEZ) negara ditentukan
mengikut undang-undang antara-
bangsa iaitu tidak lebih 200 batu
nautika atau 370 kilometer dari
pesisir pantai setiap negara se-
ta tidak berada di bawah bidang
kuasa negara berkenaan. AFP